

**PERSEPSI GURU DAN PELAJAR – PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI  
NEGERI KEDAH TERHADAP UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(UiTM): SATU TINJAUAN**



**DI SEDIAKAN OLEH:**

**PROF. MADYA DR. ZALIHA HJ. HUSSIN**

**NORMALA ISMAIL**

**NOOR SALIZA ZAINAL**

**PROF. MADYA TN. HJ. KAMAL BAHRIN SHAMSUDDIN**

**JANUARI 2005**

## ISI KANDUNGAN

### Daftar Ilustrasi

		<b>xiv</b>
<b>Abstrak</b>		<b>xxiii</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.0	PENGENALAN	1
1.1	PERSOALAN KAJIAN	1
1.2	DEFINISI PEMBOLEHUBAH DAN PENGUKURAN	1
1.3	REKABENTUK TEORI	3
1.4	HIPOTESIS KAJIAN	5
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.6	SKOP KAJIAN	9
1.7	ORGANISASI KAJIAN	9

<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0	PENGENALAN	10
2.1	SEJARAH LATAR BELAKANG UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)	10
2.2	PENCAPAIAN UiTM	14
2.3	CABARAN – CABARAN UiTM	20
2.4	KESIMPULAN	22
<b>3</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	
3.0	PENGENALAN	24
3.1	KAEDAH PENYELIDIKAN	24
3.2	SOAL SELIDIK	26
3.3	TEKNIK ANALISIS DATA	27

## ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti corak persepsi guru dan pelajar sekolah menengah terhadap kewujudan UiTM. Kajian ini turut meneliti asas – asas pemilihan UiTM sebagai universiti pilihan utama berdasarkan faktor dasar dan wawasan UiTM, sejarah dan penubuhan UiTM, nasihat keluarga dan guru, bantuan kewangan dan model graduan, program pengajian, imej, reputasi dan publisiti universiti. Sampel kajian terdiri daripada 211 orang guru dan 657 orang pelajar Tingkatan Empat (4) dan Tingkatan Enam (6) Rendah pelbagai aliran daripada duabelas (12) buah sekolah menengah di Negeri Kedah meliputi SMK Baling, SMK Yan, SMK Kuala Ketil, SMK Pokok Sena, SMK Changloon, SMK Jitra, SMK Kubur Panjang, SMK Bedong, SMK Guar Chempedak, SMK Aman Jaya dan SMK Sik. Data dikutip dengan mengedarkan borang soal selidik setelah memperolehi kebenaran daripada Pengurusan UiTM, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Data dianalisis dan diproses menggunakan kaedah ‘Statistical Package for Social Sciences’ (SPSS) versi 12.1. Kajian mendapati persepsi terhadap UiTM dipengaruhi oleh dasar dan wawasan, program pengajian yang ditawarkan serta sejarah dan penubuhan universiti. Kajian turut mendapati bahawa asas – asas pemilihan UiTM sebagai universiti pilihan utama adalah model graduan yang dihasilkan, kemudahan kewangan yang tersedia, kepelbagaian program pengajian yang ditawarkan, imej, reputasi universiti, publisiti, aktiviti – aktiviti pelajar dan saranan pihak luar. Seterusnya kajian mendapati terdapat kalangan masyarakat yang menolak UiTM sebagai universiti pilihan utama. Terdapat dua faktor yang mendasari penolakan mereka iaitu akademik dan imej universiti.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Pada ketika ini UiTM menjadi perhatian dan tumpuan utama pelajar – pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pengajian mereka ke program Diploma. Melalui analisa Unit Pusat Universiti (UPU), untuk pengajian pada Jun 2003, UiTM telah menjadi tumpuan permohonan bagi calon – calon bumiputera yang mempunyai keputusan yang terbaik (Penstrukturan UiTM 2001 – 2010).

### **1.1 PERSOALAN KAJIAN**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar – pelajar dan guru sekolah menengah di Negeri Kedah terhadap Universiti Teknologi MARA (UiTM). Secara khusus, kajian ini akan menjawab persoalan – persoalan berikut:

- 1.1.1 Apakah persepsi pelajar – pelajar dan guru – guru sekolah menengah terhadap UiTM.
- 1.1.2 Apakah faktor – faktor yang menentukan pemilihan sesebuah universiti sebagai universiti pilihan utama.
- 1.1.3 Apakah faktor – faktor yang menyebabkan UiTM tidak dipilih sebagai universiti pilihan utama.

### **1.2 DEFINISI PEMBOLEHUBAH DAN PENGUKURAN**

#### **1.2.1 Persepsi**

Persepsi merujuk kepada tanggapan dan pandangan guru – guru dan pelajar – pelajar sekolah menengah di Negeri Kedah terhadap UiTM dari segi kewujudan dan program